

D816

B B829 AAB
MAHATHIR - AMERIKA RRRRRR

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- TINDAKAN JAWATANKUASA KECIL DEWAN PERWAKILAN KONGRES AMERIKA MENOLAK CADANGAN PRESIDEN RONALD REAGAN MEMBERI BANTUAN PERTAHANAN AS\$4 JUTA KEPADA MALAYSIA TIDAK MENJEJASKAN KEDUDUKAN PERTAHANAN NEGARA, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARI INI.

+INI KERANA BANTUAN ITU HANYA MELIPUTI BIDANG LATIHAN DAN BUKANNYA BANTUAN PERALATAN,+ KATANYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TUJUH BAHAGIAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN AGENSI LUAR NEGERI BARU-BARU INI MENGENAI RUMUSAN DRAF JAWATANKUASA KECIL MENGENAI HAL EHWAL ASIA DAN PASIFIK DEWAN RAKYAT AMERIKA MENGENEPIKAN BANTUAN KETENTERAAN SEBANYAK AS\$4 JUTA YANG DIMINTA OLEH PENTADBIRAN PRESIDEN RONALD REAGAN UNTUK MALAYSIA.

PENGERUSI JAWATANKUASA ITU, STEPHEN SOLARZ, MENEGUR MALAYSIA DAN BERKATA KONONNYA TINDAKAN-TINDAKAN ANTI-ZIONIS OLEH KERAJAAN MALAYSIA ADALAH MEMALUKAN DAN MENAMBAH, TINDAK-TANDUK DEMIKIAN MENGURANGKAN SIMPATI AMERIKA TERHADAP KEPERLUAN MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KENYATAAN ENCIK SOLARZ ADALAH +PANDANGANNYA SAHAJA.+ -- LAGI.

1843MST 22 03 87

B B830 AAB
MAHATHIR - AMERIKA 2 KUALA LUMPUR RRRRRR

+KALAU TIDAK, TENTULAH KERAJAAN AMERIKA TIDAK AKAN MENGHANTAR KAPAL TERBANG TENTERA MEREKA UNTUK DIBAIKPULIH DI AIROD MALAYSIA,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, TINDAKAN MEREKA ITU TIDAK +AKAN MENJEJASKAN NEGARA KERANA PERUNTUKAN YANG LEPAS MASIH BELUM HABIS DIGUNAKAN,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1844MST 22 03 87